Hasrat Gemilang Sdn Bhd lwn Mohd Rasdi bin Mustafar dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN NO 22NCVC-69–08 TAHUN 2015
AHMAD BACHE PK
30 MARCH 2017

Syarikat dan Korporat — Menyingkap tabir penubuhan — Sama ada terdapat keadaan istimewa — Plaintif telah mendapatkan penghakiman-penghakiman terhadap syarikat defendan-defendan — Defendan-defendan membubarkan syarikat — Plaintif memfailkan tindakan ke atas defendan-defendan atas tuduhan fraud — Sama ada defendan-defendan mempunyai pengetahuan bahawa syarikat mempunyai liabiliti — Sama ada defendan-defendan telah melakukan fraud dengan membubarkan syarikat bagi mengelak liabiliti — Sama ada tindakan plaintif terhalang oleh prinsip res judicata — Sama ada plaintif boleh mengambil tindakan ke atas defendan-defendan yang merupakan entiti berasingan daripada syarikat — Sama ada plaintif telah mengenepikan haknya untuk mengambil tindakan ke atas defendan-defendan apabila plaintif telah menghidupkan semula syarikat

Plaintif telah memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap syarikat defendan-defendan ('Sykt Muhajirin') kerana kemungkiran kontrak pembinaan dan menuntut pemulangan semula bon pelaksanaan yang telah diserahkan kepada syarikat tersebut. Penghakiman-penghakiman yang memihak kepada plaintif telah diberikan oleh hakim Mahkamah Tinggi namun tidak dapat dikuatkuasakan kerana plaintif mendapati berdasarkan carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') bahawa Sykt Muhajirin telah dibubarkan. Lanjutan itu, plaintif memfailkan tindakan semasa terhadap defendan-defendan kerana secara bersesama dan berasingan telah, sebagai pengarah-pengarah dan juga pemegang-pemegang saham Sykt Muhajirin, dengan niat menipu/fraud telah menyebabkan syarikat tersebut dibubarkan supaya ia dapat mengelakkan liabiliti untuk membayar penghakiman-penghakiman yang berjumlah RM750,000 yang terhutang kepada plaintif. Isu-isu yang perlu diputuskan adalah: (a) sama ada defendan pertama, kedua dan kelima mempunyai pengetahuan bahawa Sykt Muhajirin mempunyai liabiliti iaitu penghakiman-penghakiman terhadapnya semasa permohonan untuk membubaran syarikat dibuat; (b) sama ada defendan pertama, kedua dan kelima telah melakukan fraud untuk membubarkan syarikat bagi mengelak liabiliti syarikat bagi menjelaskan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi pihak plaintif; (c) sama ada tuntutan plaintif adalah terhalang oleh prinisip res judicata dan sama ada plaintif boleh membawa tindakan ini ke atas defendan-defendan yang

merupakan entiti berasingan dengan syarikat tersebut (locus standi); dan (d) sama ada plaintif telah mengenepikan haknya untuk mengambil tindakan terhadap defendan-defendan apabila plaintif telah menghidupkan semula syarikat tersebut.

Diputuskan, membenarkan sebahagian tuntutan plaintif:

(1) Defendan pertama dan kedua sebagai pengarah dan pemegang saham syarikat tidak mungkin tidak mengetahui tentang tindakan dan penghakiman-penghakiman tersebut kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya di dalam hal ehwal pengurusan syarikat serta liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh syarikat tersebut. Tambahan lagi, kegagalan defendan pertama dan kedua untuk memberikan keterangan di dalam mahkamah telah menimbulkan inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 di mana mahkamah sewajarnya mengganggap bahawa keterangan-keterangan defendan pertama dan kedua yang tidak diberikan itu, jika diberikan adalah tidak memihak kepada defendan-defendan (lihat perenggan 29–30).

(2) Tindakan defendan-defendan yang memohon untuk membubarkan syarikat dan kemudiannya memutuskan untuk tidak meneruskan dengan rayuan mereka jelas membuktikan bahawa defendan-defendan mempunyai pengetahuan dan sengaja membubarkan Sykt Muhajirin bagi mengelak liabiliti daripada melunaskan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi plaintif. Oleh itu, plaintif telah membuktikan di atas imbangkan kebarangkalian bahawa defendan-defendan dengan mempunyai pengetahuan telah melakukan penipuan/fraud dalam membubarkan syarikat tersebut demi mengelak liabiliti untuk menjelaskan/melunaskan penghakiman-penghakiman yang diperolehi plaintif terhadap mereka (lihat perenggan 36 & 38).

(3) Berdasarkan keterangan-keterangan, isu locus standi dan juga res judicata di dalam kes ini adalah tidak berbangkit, kerana tindakan terdahulu dan tindakan semasa yang telah dibawa oleh plaintif adalah berdasarkan kepada kausa tindakan yang berlainan. Tindakan terdahulu adalah berdasarkan kepada tindakan kontrak manakala tindakan semasa adalah berdasarkan kepada kausa tindakan fraud atas tindakan defendan-defendan yang telah secara penipuan/fraud membubarkan syarikat tersebut sehingga menyebabkan syarikat telah mengelak liabiliti daripada menyelesaikan/melangsaikan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi (lihat perenggan 40).

(4) Oleh kerana plaintif telah di atas imbangan kebarangkalian membuktikan wujudnya penipuan/fraud dalam tindakan defendan-defendan membubarkan syarikat tersebut maka terdapat keadaan istimewa untuk mewajarkan mahkamah menyingkap tabir penubuhan (*lifting corporate veil*) dan memerintahkan agar

defendan-defendan untuk menanggung liabiliti Sykt Muhajirin tersebut sebagai 'joint tortfeasors' yang telah menyebabkan tindakan pembubaran syarikat tersebut dibuat secara salah (lihat perenggan 41).

(5) Isu '(e)' tidak diplid oleh defendan-defendan dan tidak boleh dibangkitkan (A 18 k 8, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012). Namun begitu, berlandaskan kepada merit, adalah menjadi hak plaintif untuk memilih pihak mana yang patut melunaskan penghakiman tersebut sama ada Sykt Muhajirin atau defendan-defendan memandangkan plaintif mempunyai dua kausa yang berbeza daripada dua pihak yang berbeza. Selain itu, memandangkan defendan-defendan telah terlibat bersama di dalam proses membubarkan Sykt Muhajirin, maka defendan-defendan tidak boleh membangkitkan isu 'waiver' (lihat perenggan 44–46).

[**English summary**

The plaintiff filed an action at the Kuala Lumpur High Court against the defendants ('Sykt Muhajirin') for breach of construction contract and demanded a refund of the execution bonds delivered to the company. The judgments in favor of the plaintiff were awarded by the High Court judge but were not enforceable as the plaintiff discovered, through a search with the Companies Commission of Malaysia ('CCM') that Sykt Muhajirin was dissolved. Further, the plaintiff filed this action against the defendants jointly and severally as the directors and shareholders of the Sykt Muhajirin, with the intention of cheating/causing, had fraud caused the company to be dissolved so that it would avoid liability to pay the judgments amounting to RM750,000 owing to the plaintiff. The issues for determination were: (a) whether the first, second and fifth defendants had knowledge that Sykt Muhajirin had a liability ie judgments against it upon application to dissolve the company; (b) whether the first, second and fifth defendants committed fraud to dissolve the company to avoid the liability of the company to settle the judgments obtained by the plaintiff; (c) whether the plaintiff's claim is hindered by the principle of res judicata and whether the plaintiff might bring this action on the defendants who were a separate from the company (locus standi); and (d) whether the plaintiff waived his right to initiate an action against the defendants when the plaintiff revived the company.

Held, allowing the plaintiff's claim in part:

(1) The first and second defendants, as directors and shareholders of the company, might not be aware of such acts and judgments as they were fully responsible of the company's management affairs as well as the liabilities incurred by the company. In addition, the failure of the first and second defendants to give evidence in court resulted in an inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 in which the court duly assumed that the first and second defendants' evidence which were not provided,

A if granted, was impartial to the defendants (see paras 29–30).

(2) The defendant's act of applying to dissolve the company and then deciding not to proceed with their appeal clearly proved that the defendants had knowledge and deliberately dissolved Sykt Muhajirin to B avoid liability from settling the judgments that the plaintiff had obtained. Therefore, the plaintiff proved that the defendants had the probability of comitting fraud by dissolving the company to settle the judgments obtained by the plaintiff against them (see paras 36 & 38).

C (3) Based on evidence, the issues of locus standi and res judicata in this case did not arise, as the preceding action and current action initiated by the plaintiff were based on the different causes of action. The preceding action was based on contractual action while the current action was based on the cause of fraudulent action on the actions of the defendants who D fraudulently dissolved the company so as to cause the company to avoid liability from settling the judgments obtained (see para 40).

(4) As the plaintiff had proven, on the balance of probability, fraud in the defendant's act of dissolving the company, there was a special circumstance to justify the court lifting corporate veil and ordering the E defendants to incur the liability of Sykt Muhajirin as joint tortfeasors which caused the liquidation of the company to be carried out wrongfully (see para 41).

(5) Issue (e) was not pleaded by the defendants and could not be raised (O 18 F r 8 of the Rules of Court 2012). However, based on merit, it was the plaintiff's right to choose which party should pay the judgment; whether Sykt Muhajirin or the defendants as the plaintiff had two different causes from two different parties. In addition, in view of the fact that the defendants have been jointly involved in dissolving Sykt Muhajirin, the G defendants could not raise the 'waiver' issue (see paras 44–46).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai sama ada terdapat keadaan istimewa, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 530.

H

Kes-kes yang dirujuk

Aspatra Sdn Bhd & 21 Ors v Bank Bumiputra Malaysia Bhd & Anor [1988] 1 MLJ 97; [1987] 1 MLRA 198, MP (dirujuk)

I *Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 3 MLJ 457, MT (dirujuk)

Lee Sem Yoong v Leong Yoong [1967] 2 MLJ 86; [1967] 1 MLRH 588 (dirujuk)

Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd [2015] 5 MLJ 1; [2015] 5 MLRA 191, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Syarikat 1965 ss 308(1), 364(2)
Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 8

Ang Kai Wei (Yap & Ang) bagi pihak plaintif.
Mohd Nasir Abdullah (Mohd Nasir & Co) bagi pihak defendan pertama dan kedua.
Rizal Zulkeply (Rizal & Co) bagi pihak defendan kelima.

Ahmad Bache PK:

[1] Plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan-defendan kerana secara bersesama dan berasingan telah, sebagai pengarah-pengarah dan juga pemegang-pemegang saham Sykt Muhajirin Service Apartment Sdn Bhd, dengan niat menipu/fraud telah menyebabkan syarikat tersebut dibubarkan supaya ia dapat mengelakkan liabiliti untuk membayar penghakiman-penghakiman yang berjumlah RM750,000 yang terhutang kepada plaintif.

[2] Pada 20 Disember 2016, setelah melalui perbicaraan penuh dengan pihak-pihak masing-masing memanggil seorang saksi sahaja, mahkamah telah membenarkan sebahagian tuntutan plaintif iaitu di relief (b) hingga (e) seperti mana relief yang dituntut di dalam pernyataan tuntutan seperti di bawah.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pihak plaintif telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap sebahagian daripada perintah tersebut iaitu relief di pada (a), (e) sebahagian dan (f). Defendan kelima pula memfailkan rayuan berkaitan perintah di para (b) hingga (f). Defendan pertama dan kedua walau bagaimanapun, tidak memfailkan sebarang rayuan ke Mahkamah Rayuan.

[4] Defendan ketiga adalah bankrap dan defendan keempat telah meninggal dunia.

[5] Ini merupakan alasan-alasan kepada keputusan tersebut.

RELIEF-RELIEF YANG DITUNTUT

[6] Mengikut pernyataan tuntutan plaintif, relief yang dituntut di para 24 adalah seperti berikut:

(a) ganti rugi berjumlah RM750,000 untuk keseluruhan jumlah penghakiman oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 11 Mac 2009 dan 11 Ogos 2010 hendaklah dibayar oleh defendan-defendan kepada plaintif;

(b) ganti rugi am untuk ditaksirkan oleh mahkamah yang mulia ini dibayar oleh defendan-defendan kepada plaintif;

(c) ganti rugi khas berjumlah RM8,000 berupa kos-kos yang ditanggung plaintif untuk memfailkan Petisyen No 26NCC-53 Tahun 2012 di bayar oleh defendan-defendan kepada plaintif;

(d) ganti rugi teladan untuk ditaksirkan oleh mahkamah yang mulia ini dan dibayar oleh defendan pertama, kedua dan kelima kepada plaintif;

(e) faedah ke atas ganti rugi yang dirujuk di dalam *prayer* (a), (b), (c) dan (d) di atas kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman dibuat sehingga ke tarikh penyelesaian penuh dibayar oleh defendan-defendan kepada plaintif;

(f) kos tindakan ini; dan

(g) apa-apa relief, perintah, arahan, akuan dan siasatan yang difikirkan oleh mahkamah yang mulia ini sebagai patut dan wajar diberikan.

KES PLAINTIF

[7] Kesemua defendan merupakan pengarah-pengarah dan pemegang saham Sykt Muhajirin Service Apartment Sdn Bhd. syarikat tersebut melalui surat mereka (*letter of acceptance of tender*) bertarikh 22 Februari 2006 kepada plaintif telah menyatakan bahawa syarikat tersebut telah menerima tender plaintif dan seterusnya melantik plaintif sebagai kontraktor utama untuk projek yang dikenali sebagai 'Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Kondotel di atas Lot 262, Seksyen 19, Milik Perbadanan Menteri Besar, Jalan Hamzah, Wakaf Siku, Kota Bharu, Kelantan'.

[8] Sykt Muhajirin Service Apartment Sdn Bhd kemudiannya telah mengarahkan plaintif untuk membuat pembayaran sebanyak RM750,000 sebagai bon pelaksanaan yang mana telah pun dibayar oleh pihak plaintif.

[9] syarikat tersebut telah seterusnya gagal untuk mengosongkan dan juga seterusnya menyerahkan milik tapak projek tersebut kepada pihak plaintif mengikut perjanjian yang ditandatangani bagi membolehkan plaintif memulakan kerja-kerja bagi projek tersebut.

[10] Pada 3 April 2007 plaintif telah memfailkan Guaman Sivil No S5–22–344 Tahun 2007 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

terhadap syarikat tersebut kerana kemungkiran kontrak tersebut dan menuntut pemulangan semula bon pelaksanaan yang telah diserahkan kepada syarikat defendan-defendan iaitu Sykt Muhajirin.

[11] Pada 11 Mac 2009 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan permohonan plaintif untuk penghakiman terus terhadap syarikat tersebut dan memerintahkan agar syarikat tersebut memulangkan semula sejumlah RM550,000 daripada RM750,000 yang dituntut oleh pihak plaintif.

[12] syarikat tersebut kemudiannya telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap penghakiman terus tersebut tetapi rayuan itu telah dibatalkan pada 7 September 2010 atas kegagalan syarikat meneruskan rayuan itu.

[13] Plaintif menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi melalui perintah bertarikh 11 Mac 2009 telah membenarkan sebahagian tuntutan sebanyak RM550,000 daripada RM750,000 melalui penghakiman terus dan baki RM200,000 lagi telah diperintahkan untuk diputuskan melalui bicara penuh. Namun atas kegagalan syarikat menghadirkan diri dalam beberapa pengurusan kes pada 11 Ogos 2010 mahkamah telah memerintahkan penghakiman ingkar bagi jumlah RM200,000 tersebut.

[14] Selepas penghakiman-penghakiman tersebut diperolehi plaintif melalui peguamcaranya telah bertindak untuk melaksanakan penghakiman tersebut tetapi telah mendapati bahawa syarikat tersebut telah dibubarkan. Menurut plaintif, rupanya tanpa pengetahuan pihak plaintif, defendan-defendan secara senyap-senyap telah meluluskan satu resolusi pemegang-pemegang saham syarikat bertarikh 6 Ogos 2009 untuk mengemukakan suatu permohonan untuk membubarkan syarikat tersebut kepada Suruhanjaya syarikat Malaysia ('SSM').

[15] Lanjutan daripada resolusi tersebut defendan kelima telah menandatangani suatu 'Akuan Pengataan Pemohon' bertarikh 6 Ogos 2009 dan pada 26 Ogos 2009 defendan-defendan telah secara rasmi memfailkan kepada SSM permohonan pembubaran tersebut.

[16] Pada 8 Disember 2009 pendaftar syarikat telah mengeluarkan suatu notis pemotongan nama syarikat menurut s 308(1) Akta Syarikat 1965 yang memaklumkan pembatalan syarikat tersebut dari daftar berkuat kuasa sebulan daripada tarikh notis tersebut setelah pembatalan tersebut diwartakan.

[17] Plaintif mendakwa bahawa berdasarkan kepada kronologi peristiwa di atas tersebut, Sykt Muhajirin dan atau pengarah-pengarahnya (defendan-defendan) telah melakukan tindakan yang sengaja untuk tidak

A mematuhi dan mengelak kedua-dua penghakiman yang diperolehi plaintif terhadap Sykt Muhajirin tersebut. Akibat daripada itu, pihak plaintif telah gagal untuk melaksanakan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehinya kerana syarikat defendan-defendan telah dibubarkan.

B **[18]** Pada 21 Mei 2012 plaintif telah memfailkan tindakan Petisyen No 26NCC-53–03 Tahun 2012 bagi mengembalikan semula syarikat tersebut kepada daftar dan permohonan plaintif tersebut telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

C **[19]** Menurut plaintif, susulan daripada itu SSM telah memulakan siasatan terhadap pengarah-pengarah syarikat tersebut dan hasil siasatan telah mendapati defendan kelima (di dalam pliding, plaintif menyatakan defendan kedua) sahaja telah melakukan kesalahan di bawah s 364(2) Akta Syarikat 1965. Pihak SSM telah mengenakan kompaun sebanyak RM10,000 terhadap
D defendan kelima.

[20] Defendan kelima telah memohon kepada pihak SSM agar mengurangkan kompaun yang dikenakan terhadapnya. Kompaun tersebut
E telah dikurangkan kepada RM5,000 dan defendan kelima telah membayar kompaun tersebut.

[21] Plaintif menyatakan bahawa defendan-defendan secara bersesama dan atau berasingan dengan niat menipu telah menyebabkan syarikat tersebut
F dibubarkan demi mengelak liabiliti untuk membayar jumlah penghakiman yang terhutang kepada plaintif. Mengikut plaintif ('SP1'), defendan berniat menipu antara lain dengan memberi maklumat yang salah/yang mengelirukan kepada SSM bahawa Sykt Muhajirin adalah syarikat dorman, tidak menjalankan perniagaan dan tidak beroperasi. Selain daripada itu defendan
G secara sengaja tidak mengemaskini rekod-rekod syarikat walaupun syarikat tersebut aktif beroperasi. Oleh yang demikian tindakan ini telah difailkan oleh plaintif terhadap defendan-defendan menuntut jumlah yang sepatutnya diperolehi berdasarkan penghakiman terhadap syarikat defendan-defendan dan beberapa gantirugi lain berserta faedah dan kos (seperti dalam pernyataan
H tuntutan).

KES DEFENDAN

[22] Pihak plaintif telah memperolehi penghakiman ingkar terhadap
I defendan-defendan. Hanya defendan pertama, kedua dan kelima yang memfailkan pembelaan.

[23] Defendan pertama, kedua dan kelima menafikan bahawa mereka telah menyediakan resolusi dan surat akauan bertarikh 6 Ogos 2009 dan membuat

permohonan untuk membubarkan Sykt Muhajirin pada 26 Ogos 2009. Pihak defendan-defendan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan dan menafikan dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan selaku pengarah syarikat telah membubarkan Sykt Muhajirin dengan tujuan untuk mengelak daripada menyelesaikan penghakiman-penghakiman yang diperolehi plaintif (lihat ms 15–18 ikatan pliding).

[24] Defendan pertama dan kedua juga telah membangkitkan isu res judicata memandangkan pihak plaintif telah memfailkan tindakan Guaman Sivil No S5-22–344 Tahun 2007 pada 3 April 2007 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pihak defendan pertama dan kedua juga menghujahkan bahawa mereka mempunyai entiti undang-undang yang berasingan dengan Sykt Muhajirin. Justeru itu, tuntutan pihak plaintif sepatutnya ditujukan terhadap pihak syarikat dan bukannya pihak pengarah syarikat (defendan-defendan).

[25] Defendan kelima pula secara ringkasnya menafikan bahawa dia mempunyai pengetahuan tentang tuntutan pihak plaintif terhadap Sykt Muhajirin. Menurut defendan kelima, beliau merupakan pengarah bukan eksekutif dan pemegang saham sahaja dan tidak terlibat dengan pengurusan syarikat (lihat ms 19–23 ikatan pliding).

[26] Menurut defendan kelima juga, Sykt Muhajirin tidak lagi aktif dan tidak menjalankan apa-apa perniagaan lain sejak dari tarikh syarikat ditubuhkan. Pihak pengarah telah gagal untuk mengemas kini butiran hal ehwal syarikat dan justeru itu, pihak SSMlah yang sebenarnya mencadangkan agar syarikat dibubarkan memandangkan syarikat tidak lagi aktif.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[27] Di dalam perbicaraan kes ini terdapat beberapa isu yang harus diputuskan oleh mahkamah seperti berikut:

Isu 1: Sama ada defendan pertama, kedua dan kelima mempunyai pengetahuan bahawa Sykt Muhajirin mempunyai liabiliti iaitu penghakiman-penghakiman terhadapnya semasa permohonan untuk membubaran syarikat dibuat dan kedua, sama ada defendan pertama, kedua dan kelima telah melakukan fraud untuk membubarkan syarikat bagi mengelak liabiliti syarikat bagi menjelaskan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi pihak plaintif. Isu ketiga ialah sama ada tuntutan plaintif adalah terhalang oleh prinisip res judicata disebabkan tindakan yang sama

[28] Defendan pertama dan kedua serta Sykt Muhajirin di dalam tindakan terdahulu telah diwakili oleh peguam yang sama iaitu Mohd Nasir & Co. Oleh

yang demikian mahkamah mendapati adalah mustahil bagi defendan pertama dan kedua untuk menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai tindakan sivil terdahulu dan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi plaintif terhadap Sykt Muhajirin.

[29] Setelah meneliti keterangan-keterangan oral dan dokumentari saksi-saksi, kertas kausa dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa defendan pertama dan kedua sebagai pengarah dan pemegang saham syarikat tidak mungkin tidak mengetahui tentang tindakan dan penghakiman-penghakiman tersebut kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya di dalam hal ehwal pengurusan syarikat serta liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh syarikat tersebut.

[30] Defendan pertama dan kedua telah memilih untuk tidak memberikan keterangan semasa perbicaraan penuh dijalankan. Defendan pertama dan kedua telah hadir pada hari pertama perbicaraan berlangsung. Fakta ini sebenarnya telah menguatkan lagi kes pihak plaintif kerana kegagalan defendan pertama dan kedua untuk memberikan keterangan di dalam mahkamah telah menimbulkan inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 di mana mahkamah sewajarnya mengganggap bahawa keterangan-keterangan defendan pertama dan kedua yang tidak diberikan itu, jika diberikan adalah tidak memihak kepada defendan-defendan.

[31] Di dalam kes *Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors* [1998] 3 MLJ 457, mahkamah memutuskan:

> Presumption Arising From A Party Not Going Into The Witness Box
>
> [628] Cheng Bok, Cheng Liat and Cheng Hum levelled distinct charges against Cheng Poon from the witness-box and led evidence in support. They called witnesses who testified on numerous facts in dispute (paraphrased hereinbefore) which Cheng Poon had knowledge of the whole circumstances to give evidence to contradict or to deny. But Cheng Poon did not give evidence nor subject himself to cross-examination, although he heard, since he was in court throughout the trial (almost), all that was said or made out against him.
>
> [629] In Common Law, *omnia praesumuntur contra spoliatore*, things we presumed against a wrongdoer. Therefore, in a civil proceeding, 'if a man by his own tortuous act, withhold the evidence by which the nature of his case would be manifested, every presumption to his disadvantage will be adopted' [1 Smith LC (13th Ed) p 404]. Where a party has the means in his power of rebutting and explaining the evidence adduced against him, if it does not tend to the truth, the omission to do so furnishes a strong inference against him [*A-G v Windsor* 24 Beav 679 at p 706].

[32] Dakwaan defendan kelima pula bahawa dia hanyalah seorang pengarah bukan eksekutif dan tidak terlibat langsung di dalam urusan-urusan dan perjalanan syarikat juga tidak boleh diterima oleh mahkamah ini. Ini adalah

kerana dakwaan tersebut tidak pernah dibuktikan atau disokong oleh apa-apa dokumen atau carian SSM.

[33] Jika benarlah dakwaan defendan kelima, mahkamah hairan mengapa beliau mempunyai pengetahuan mengenai hal-hal lain Sykt Muhajirin contohnya seperti berikut:

(a) defendan kelima tahu tujuan Sykt Muhajirin ditubuhkan olehnya dan defendan-defendan lain adalah untuk melobi dan mendapatkan satu projek daripada Perbadanan Menteri Besar Kelantan;

(b) projek gagal diteruskan sebab gagal mendapat kebenaran untuk meneruskan kerja-kerja dari Perbadanan Menteri Besar;

(c) plaintif perlu membayar RM750,000 sebagai wang deposit untuk 'performance bond'; dan

(d) semasa disoal balas, antara lain, SP5 bersetuju bahawa beliau mempunyai kepentingan di dalam syarikat tersebut kerana telah melabor sejumlah RM100,000 di dalamnya. Beliau juga mengaku walaupun beliau tidak terlibat secara terus tetapi penglibatan beliau adalah melalui defendan pertama dan kedua. Beliau seterusnya mengaku bahawa segala hal ehwal Sykt Muhajirin dimaklumkan kepadanya oleh defendan pertama dan kedua.

[34] Justeru itu adalah amat menghairankan dan tidak boleh diterima akal jika defendan kelima ini tidak mengetahui mengenai penghakiman-penghakiman tersebut terhadap Sykt Muhajirin.

Isu 2 : Sama ada defendan pertama, kedua dan kelima telah melakukan fraud

[35] Dari keterangan-keterangan yang ada, mahkamah mendapati kesemua defendan telah menandatangani resolusi pemegang-pemegang saham bertarikh 6 Ogos 2009 bagi tujuan pembubaran Sykt Muhajirin dan defendan kelima telah menandatangani suatu 'Akuan Penyataan Pemohon' bertarikh 6 Ogos 2009 (ms 73 ikatan dokumen bersama) bagi tujuan yang sama. Permohonan pembubaran kemudiannya telah dibuat pada 26 Ogos 2009, lima bulan selepas penghakiman terus diperolehi plaintif terhadap syarikat tersebut.

[36] Tindakan defendan-defendan yang memohon untuk membubarkan syarikat dan kemudiannya memutuskan untuk tidak meneruskan dengan rayuan mereka pada pendapat mahkamah, jelas membuktikan bahawa defendan-defendan mempunyai pengetahuan dan sengaja membubarkan Sykt Muhajirin bagi mengelak liabiliti daripada melunaskan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi pihak plaintif.

[37] Fakta bahawa defendan kelima telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 364(2) Akta syarikat 1965 dalam membuat kenyataan palsu bahawa syarikat tidak terbabit dalam apa-apa tindakan undang-undang adalah jelas menunjukkan pengetahuan berkait dengan tindakan sivil terdahulu dan penghakiman-penghakiman tersebut. Malah defendan kelima sendiri telah mengaku salah dan telah membayar kompaun kepada pihak SSM.

[38] Di atas fakta-fakta yang dinyatakan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa, plaintif telah membuktikan di atas imbangkan kebarangkalian bahawa defendan-defendan dengan mempunyai pengetahuan telah melakukan penipuan/fraud dalam membubarkan syarikat tersebut demi mengelak liabiliti untuk menjelaskan/melunaskan penghakiman-penghakiman yang diperolehi plaintif terhadap mereka.

Isu 3: Sama ada tuntutan plaintif terhadap defendan pertama dan kedua adalah terhalang oleh prinsip res judicata dan sama ada plaintif boleh membawa tindakan ini ke atas defendan-defendan yang merupakan entiti berasingan dengan syarikat tersebut ('locus standi')

[39] Di dalam kes *Lee Sem Yoong v Leong Yoong* [1967] 2 MLJ 86; [1967] 1 MLRH 588, mahkamah memutuskan:

> For the doctrine of res judicata to apply, a defendant has to show that there was a former suit between the same parties for the same matter and upon the same cause of action, and also that the matter directly and substantially in issue has been heard and finally decided by the court which heard it. To see what was decided in the previous case it is necessary to look at the judgment itself (per Ismail Khan J in *Andavan v Thong Nyik Lin* [1966] 1 MLJ 57; [1965] 1 MLRH 394).

[40] Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada, mahkamah memutuskan isu locus standi dan juga res judicata di dalam kes ini adalah tidak berbangkit, kerana tindakan terdahulu dan tindakan di dalam guaman ini telah dibawa oleh plaintif adalah berdasarkan kepada kausa tindakan yang berlainan. Tindakan terdahulu adalah berdasarkan kepada tindakan kontrak iaitu kegagalan defendan (Sykt Muhajirin) menyerahkan milik tapak projek tersebut kepada plaintif. Manakala tindakan di dalam guaman ini adalah berdasarkan kepada kausa tindakan fraud atas tindakan defendan-defendan yang telah secara penipuan/fraud membubarkan syarikat tersebut sehingga menyebabkan syarikat telah mengelak liabiliti daripada menyelesaikan/melangsaikan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi. Walaupun terdapat jumlah tuntutan yang sama iaitu RM750,000 namun kausa tindakan dan pihak-pihak di dalam guaman ini adalah berbeza daripada tindakan terdahulu.

[41] Oleh kerana mahkamah berpendapat bahawa plaintif telah di atas

imbangan kebarangkalian (lihat kes *Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd* [2015] 5 MLJ 1; [2015] 5 MLRA 191) membuktikan wujudkannya penipuan/fraud dalam tindakan defendan-defendan membubarkan syarikat tersebut maka terdapat keadaan istimewa untuk mewajarkan mahkamah menyingkap tabir penubuhan ('lifting corporate veil') dan memerintahkan agar defendan-defendan untuk menanggung liabiliti Sykt Muhajirin tersebut selaras dengan keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Aspatra Sdn Bhd & 21 Ors v Bank Bumiputra Malaysia Bhd & Anor* [1988] 1 MLJ 97; [1987] 1 MLRA 198 sebagai joint tortfeasors yang telah menyebabkan tindakan pembubaran syarikat tersebut di buat secara salah. Di dalam kes tersebut mahkamah memutuskan:

> The court would generally lift the corporate veil in order to do justice particularly when an element of fraud is involved although the consequences of lifting the veil would vary according to the circumstances of each case.

[42] Hujahan defendan-defendan bahawa plaintif telah gagal memplidkan secara khusus untuk relief bagi mahkamah menyingkap tabir penubuhan adalah tidak berasas kerana para 23 penyataan tuntutan plaintif telah menyatakan dengan jelas agar mahkamah berbuat demikian supaya defendan secara bersesama dan berasingan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi pihak plaintif.

Isu 4 : Isu seterusnya yang dibangkitkan defendan ialah: Sama ada plaintif telah mengenepikan haknya untuk mengambil tindakan terhadap defendan-defendan apabila plaintif telah menghidupkan semula syarikat tersebut

[43] Defendan-defendan telah berhujah bahawa plaintif tidak menggunakan sepenuhnya hak mereka untuk melaksanakan penghakiman terhadap syarikat tersebut. Defendan-defendan berhujah bahawa oleh kerana syarikat tersebut telah dihidupkan semula dan dikembalikan pendaftarannya maka tindakan pelaksanaan boleh dijalankan terhadap syarikat tersebut dan plaintif telah mengenepikan haknya ke atas defendan-defendan.

[44] Mahkamah mendapati bahawa isu ini tidak diplid oleh defendan-defendan dan tidak boleh dibangkitkan (A 18 k 8 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012).

[45] Namun begitu, berlandaskan kepada merit, mahkamah berpendapat bahawa ini adalah hak plaintif untuk memilih pihak mana yang patut melunaskan penghakiman tersebut samada Sykt Muhajirin atau defendan-defendan memandangkan plaintif mempunyai dua kausa yang berbeza daripada dua pihak yang berbeza. Jika plaintif berasa khuatir (seperti di dalam kes ini) bahawa Sykt Muhajirin tidak di dalam kedudukan untuk

melunaskan penghakiman-penghakiman tersebut kerana tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tidak mempunyai asset yang mencukupi maka mereka mempunyai hak untuk meneruskan tindakan terhadap defendan-defendan.

[46] Atas dasar itu, mahkamah berpendapat adalah tidak adil untuk defendan-defendan menyalahkan plaintif kerana tidak meneruskan tindakan pelaksanaan penghakiman-penghakiman terhadap syarikat tersebut. Malahan mahkamah berpendapat bahawa memandangkan defendan-defendan telah terlibat bersama di dalam proses membubarkan Sykt Muhajirin, maka defendan-defendan tidak boleh membangkitkan isu 'waiver' ini.

[47] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi, kertas-kertas kausa dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa adalah wajar tuntutan plaintif untuk relief-relief yang dipohon dibenarkan melainkan relief para (a) iaitu ganti rugi berjumlah RM750,000 yang merupakan penghakiman terhadap Sykt Muhajirin yang belum dilaksanakan terhadap syarikat tersebut dan relief (f) iaitu kos tindakan ini.

RAYUAN PLAINTIF TERHADAP PERINTAH MAHKAMAH MENOLAK RELIEF (a)

[48] Pihak plaintif telah memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah ini untuk tidak membenarkan relief (a) iaitu ganti rugi sebanyak RM750,000 terhadap defendan-defendan.

[49] Perlu ditekankan di sini bahawa mahkamah telah membuat keputusan sedemikian setelah meneliti keterangan-keterangan oral dan dokumentari yang ada di hadapan mahkamah, fakta kes, kertas-kertas kausa dan hujahan kedua-dua pihak seperti berikut.

[50] Pertamanya, kedua-dua penghakiman yang diperolehi plaintif sebelum ini, yang masing-masing bertarikh 11 Mac 2009 (ms 33 dan 34 Ikatan B) dan 11 Ogos 2010 (ms 35 dan 36 Ikatan B) adalah terhadap Sykt Muhajirin dan bukannya terhadap defendan-defendan. Tambah-tambah lagi syarikat tersebut kini telah dikembalikan pendaftarannya oleh SSM (dihidupkan semula). Maka sewajarnya perintah pelaksanaan tuntutan perlu dibuat terhadap Sykt Muhajirin.

[51] Keduanya, di dalam ikatan dokumen bersama (Ikatan B) di ms 1–9 (P1A) iaitu rekod-rekod di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'), didapati sebanyak RM500,000 modal saham masih terdapat di dalam syarikat tersebut dan tidak dikeluarkan. Muka surat 16–21 (Ikatan B) menunjukkan status

syarikat adalah aktif, menunjukkan modal saham masih dalam keadaan jumlah yang sama dan tidak dikeluarkan.

[52] Ketiga, berdasarkan kepada alasan di para [50] dan kedudukan syarikat yang boleh dikatakan di dalam kedudukan yang 'sound' berdasarkan 'aset-aset' yang dinyatakan di atas berbanding dengan kedudukan pengarah-pengarah secara individu (ada yang telah bankrap dan meninggal dunia) adalah wajar dan munasabah bagi jumlah RM750,000 ini dilunaskan oleh Sykt Muhajirin dan bukannya defendan-defendan. Malahan mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak adil bagi defendan-defendan dibebankan lagi dengan relief ini setelah relief-relief lain dikenakan terhadap mereka.

PENUTUP

[53] Oleh yang demikian berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah berpendapat bahawa pihak plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya ke atas defendan-defendan di atas imbangan kebarangkalian. Justeru itu tuntutan plaintif adalah sewajarnya dibenarkan kecuali para (a) untuk ganti rugi am sebanyak RM750,000 yang merupakan penghakiman-penghakiman yang telah diperolehi plaintif sebelum ini terhadap Sykt Muhajirin. Pihak plaintif boleh melaksanakan penghakiman tersebut terhadap syarikat dan bukannya pihak defendan-defendan.

[54] Tiada perintah terhadap kos.

Sebahagian tuntutan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar